



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel : 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : fama@fama.gov.my

SIARAN MEDIA

”BERBUKA DAN BERSAHUR DENGAN HARUMANIS”

14 MEI 2019

1. Harumanis memiliki kualiti premium dengan isinya yang manis dan bersari, di samping aroma yang harum memberi rasa yang berbeza dengan mangga yang lain, dan merupakan **mangga paling premium** di negara kita.
2. Memandangkan musim pengeluaran Mangga Harumanis adalah pada bulan Ramadhan, pelbagai inisiatif telah diambil bagi membantu petani memasarkan buah ikon negeri Perlis ini ke pelbagai peringkat dan mengelakkan berlakunya lambakan buah tersebut di pasaran.
3. Selain dimakan segar, FAMA turut memperkenalkan menu-menu menarik berasaskan Harumanis seperti Pulut Mangga Harumanis, Jus Mangga Harumanis, Oat Mangga Harumanis dan Aiskrim Mangga Harumanis yang sesuai untuk dijadikan juadah berbuka puasa dan bersahur. Ini selaras dengan slogan FAMA pada tahun ini iaitu **“Berbuka dan Bersahur dengan Harumanis”**.
4. Untuk makluman, pada tahun 2018, FAMA telah menjalinkan kerjasama dengan pihak hotel di Lembah Klang bagi mengangkat Mangga Harumanis.
5. Kempen lebihkan makan buah-buahan tempatan merupakan program utama FAMA dalam menggalakkan penggunaan buah-buahan tempatan di kalangan rakyat Malaysia. Memandangkan penggunaan perkapita rakyat Malaysia masih rendah berbanding negara maju iaitu 63kg/orang/tahun berbanding 146kg/orang/tahun seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).
6. Kajian FAMA juga mendapati secara puratanya rakyat negara hanya makan buah-buahan 5kg sebulan, 1kilogram seminggu dan 120gm sehari, iaitu 8 kali ganda lebih rendah berbanding saranan WHO.

7. Untuk itu, FAMA akan terus merancang pelbagai aktiviti bagi menggalak dan meningkatkan penggunaan buah-buahan tempatan khususnya buah Mangga Harumanis merupakan varieti mangga yang paling popular di Malaysia.
8. Perlis dan kedah merupakan negeri pengeluar utama buah mangga ini yang mana dikurniakan cuaca dan suhu yang sesuai bagi penanaman mangga Harumanis yang terhasil setahun sekali.
9. Pada tahun ini, pengeluaran Mangga Harumanis yang diperolehi adalah sebanyak 2,367.88 metrik tan (MT) dengan luas bertanam sejumlah 1,287.41 hektar dan luas berhasil pula sejumlah 947.07 hektar. (Sumber Jabatan Pertanian Negeri Perlis)
10. FAMA juga telah mengatur **jualan secara online melalui portal Agrobazaar** Online di laman sesawang www.agrobazaar.com.my. Harga tawaran secara online RM100/kotak (3KG).
11. Melalui rangkaian outlet FAMA, FAMA juga telah mengatur pelbagai aktiviti jualan termasuk mengadakan **jualan di lokasi-lokasi terpilih** dan tumpuan orang ramai di **109 lokasi** (rujuk lampiran 1) di seluruh negara.
12. FAMA juga mempromosikan Harumanis ini ke pasaran negara jiran seperti Singapura dan berkerjasama dengan pengeksport untuk membuat hantaran percubaan (*trial shipment*) ke negara Perancis, Turki, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Qatar, dan Hong Kong.

PURATA HARGA MANGGA HARUMANIS (MA128) TAHUN 2014-2019

	2014	2015	2016	2017	2018	2019
LADANG	16.60	16.00	24.00	20.45	20.60	13.75
BORONG	20.80	19.60	29.70	23.80	23.10	18.45
RUNCIT	27.00	29.15	38.65	30.00	25.00	27.70

**Ringgit Malaysia

Sumber: Bahagian Maklumat Pasaran FAMA

#####

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Asmizal Jaafar
Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
019-9543338 / asmizal@fama.gov.my

Mohd Anzara Azizan@Halim
Penolong Pengarah Kanan Komunikasi Korporat
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
017-8448420 / anzara9810@gmail.com

LOKASI JUALAN MANGGA HARUMANIS MENGIKUT NEGERI

BIL	NEGERI	LOKASI
1	PERLIS (1)	i. Pejabat FAMA Perlis Kangar
2	KEDAH (6)	i. Jeti Feri Kuah Langkawi ii. Kompleks Pentadbiran Kerajaan iii. Pasar Tani Kekal Guar Chempedak iv. Pasar Tani Kekal Changlon v. Pasar Tani Harian/Mingguan di Negeri Kedah vi. Pesta Mangga/Buah-buahan di Dataran Zero Sungai Petani
3	PULAU PINANG (4)	i. Plaza Komtar ii. MBB Wisma Persekutuan, Jalan Anson, Penang iii. Pasaraya Sunshine iv. IKEA Batu Kawan
4	PERAK (5)	i. RTC Perak ii. Tapak Promosi Pasar Tani di Negeri Perak iii. Pasaraya Giant iv. Pasaraya Mydin v. Menara Condong Teluk Intan
5	KELANTAN (2)	i. Masjid Telipot ii. Wisma Kelantan
6	NEGERI SEMBILAN (2)	i. AEON Jusco Seremban 2 ii. Mydin Mall Senawang
7	MELAKA (9)	i. MITC Melaka ii. Kementerian Dalam Negeri Melaka iii. Menara Taming Sari iv. Restoran Terapung Umbai v. LHDN Melaka vi. JPJ Melaka vii. Pejabat Pelajaran Negeri Melaka viii. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah ix. Mahkamah Melaka
8	PAHANG (4)	i. Pasar Tani Mega UTC Kuantan ii. Pasar Tani Kekal Jerantut iii. Berjaya Megamall, Kuantan iv. Kuantan Parade, Kuantan
9	SARAWAK (1)	i. Medan Niaga Satok
10	TERENGGANU (4)	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu ii. Perkarangan Hospital Sultanah Nur Zahirah iii. Dataran Shahbandar Kuala Terengganu iv. Tapak Pasar Tani Chukai, Kemaman

11	WILAYAH PERSEKUTUAN (11)	<ul style="list-style-type: none"> i. Pasar Tani Putrajaya 1 ii. <i>My Best's Buy</i> Jabatan Perkhidmatan Awam, Putrajaya iii. <i>My Best's Buy</i> Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan, Putrajaya iv. <i>My Best's Buy</i> Kementerian Pengangkutan, Putrajaya v. <i>My Best's Buy</i>, FAMA Ibu Pejabat vi. Medan Mara vii. Berjaya Times Square viii. Menara Kuala Lumpur ix. Muzium Telekom x. <i>My Farm Outlet</i>, Putrajaya xi. LHDN Jalan Duta
12	SABAH (2)	<ul style="list-style-type: none"> i. Pasar Tani Asia City ii. GBBS Tawau
13	SELANGOR (55)	<ul style="list-style-type: none"> i. Pasar Tani Daerah Kuala Selangor ii. AMC Tanjung Karang iii. Pejabat IADA iv. Pejabat Daerah Kuala Selangor v. Pejabat-pejabat Kerajaan (SUK, JPJ Padang Jawa, Kastam Port Klang, Masjid Negeri, JAIS,LHDN,Plaza Masalam) vi. SACC Mall vii. Kompleks Mahkamah Shah Alam viii. RTM Angkasapuri ix. Toyota Seksyen 15 Shah Alam x. Pasar Tani Daerah Petaling xi. Sama-Sama Hotel Sepang xii. Pasar Tani Daerah Sepang xiii. Pejabat FAMA Sabak Bernam xiv. Pejabat Daerah Sabak Bernam xv. Pejabat MARA Sungai Besar xvi. Politeknik Sabak Bernam xvii. Pasar Tani Bukit Sentosa xviii. Pasar Tani Taman Melawati xix. Pasar Tani Tapak MAHA xx. Pasar Tani Stadium Shah Alam xxi. Pasar Tani Bukit Angkasa xxii. Pasar Tani Bandar Saujana Putra xxiii. Pasar Tani Kelana Jaya xxiv. Pasar Tani Masjid Saidina Umar Al Khatab Damansara xxv. Pasar Tani Putra Hieght xxvi. Pasar Tani Danau Kota xxvii. Pasar Tani Taman Sri Andalas xxviii. Pasar Tani Tasek Permaisuri xxix. Pasar Tani Taman Dato Ahmad Razali

		<ul style="list-style-type: none"> xxx. Pasar Tani Taman Bukit Cheras xxxi. Pasar Tani Bandar Saujana Utama xxii. Pasar Tani Setiawangsa xxiii. Pasar Tani Seksyen 9 Bandar Baru Bangi xxiv. Pasar Tani Taman Jenaris xxv. Pasar Tani Kota Damansara xxvi. Program SAM: xxvii. Kompleks PKNS Shah Alam xxviii. Pusat Operasi FAMA Dengkil xxix. Agrobazaar RnR Kuala Selangor <ul style="list-style-type: none"> xl. Surau Parit 7, Sekinchan, Sabak Bernam xli. MARDI Jalan Kebun xl.ii. PPK Kuala Langat xl.iii. Bandar Tasik Kesuma, Hulu Langat xl.iv. Saujana Utama xl.v. Masjid Gombak xl.vi. Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam
14	JOHOR (7)	<ul style="list-style-type: none"> i. Pasar Tani Datin Halimah ii. Giant Plentong iii. Bangunan Pejabat Persekutuan iv. Aeon Bukit Indah JB v. Aeon Dato Onn JB vi. UTC Kota Raya vii. Agrobazaar K-Shoppe terpilih